



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (22 SEPTEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **dua (2) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak iaitu Daerah Kuching (1) dan Daerah Bintulu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat sebanyak 703 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu Dikesan: Kes 702 (Kes Tempatan)

Kes Ke-702 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja di sebuah tapak pembinaan Daerah Kuching. Kes berasal dari Daerah Serian tetapi menetap di Bandaraya Kuching. Kes telah dikesan positif saringan COVID-19 semasa mendapat rawatan di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching pada 21 September 2020. Kes mula mengalami gejala batuk pada 18 September 2020. Setelah didapati kes positif dengan jangkitan COVID-19, kes telah dirujuk oleh hospital swasta tersebut ke Hospital Umum Sarawak pada hari yang sama untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan memandangkan kes tidak mempunyai sejarah melawat ke keluar negara atau ke negeri lain di Malaysia. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan aktiviti pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching dan Pejabat Kesihatan Bahagian Serian berdasarkan pergerakan kes.

B. Kes COVID-19 Baharu Dikesan: Kes 703 (Kes Import)

Kes Ke-703 ini merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang datang ke Sarawak, Malaysia untuk bekerja di sebuah syarikat perkapalan di Bintulu. Kes masuk ke Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2) dari Jakarta, Indonesia pada 12 September 2020. Setibanya di KLIA2, kes telah menjalani saringan COVID-19 menggunakan RTK Antigen dan keputusan adalah negatif bagi ujian tersebut. Kes kemudian meneruskan penerbangan dari KLIA2 ke Bintulu pada hari yang sama.

Setibanya kes di Lapangan Terbang Bintulu, kes telah dibawa terus ke pusat kuarantin hotel di Bintulu untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Kes juga telah disaring COVID-19 menggunakan ujian rT-PCR pada 12 September 2020 dan keputusan ujian saringan kes juga didapati negatif COVID-19 pada 13 September 2020.

Pada 21 September 2020, kes telah menjalani ujian saringan kedua iaitu pada hari ke-10, dan keputusan ujian rT-PCR COVID-19 kes ini adalah positif COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Bintulu pada hari yang sama untuk rawatan lanjut. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kes ini dikategorikan sebagai kes Import A iaitu kes telah mendapat jangkitan semasa berada di negara asal beliau sebelum masuk ke Sarawak. Pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dilakukan.

C. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Setakat hari ini, jumlah kluster yang masih aktif adalah kekal sebanyak **SATU (1)** dan melibatkan seramai **8 orang kes** iaitu Kluster Alam, Bintulu. Semua kes yang di dalam kluster ini juga telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **tiada kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **680** orang atau **96.73%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **empat (4)** orang iaitu masing-masing satu kes di wad pengasingan di Hospital Sibul, Hospital Sungai Buloh, Selangor, Hospital Umum Sarawak dan Hospital Bintulu. **Tiada kes** COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. Dimaklumkan juga terdapat satu (1) kes yang dilaporkan di Sandakan, Sabah yang sedang menerima rawatan di Hospital Bintulu.

Tiada kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.70%**.

Hari ini **lapan (8) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada kes** PUI yang menunggu keputusan ujian makmal.

2. KENYATAAN BALAS KEPADA STATUS *POSTING* DI DALAM SOSIAL MEDIA.

Dengan merujuk kepada satu kenyataan yang telah dimuat naik di dalam muka buku (*Facebook*) Sarawak COVID-19 *Awareness Group* oleh seorang pengguna yang menggunakan nama Jenifer Lawrence pada 18 September 2020.

Di dalam kenyataan tersebut, Jenifer Lawrence telah menuduh Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu seolah-olah tidak menjalankan pengesanan ke atas kontak-kontak rapat kepada seorang kes yang telah dikesan di Sandakan, Sabah pada 15 September 2020 dan telah memasuki Sarawak pada 11 September 2020 melalui Lawas dan seterusnya melalui Daerah Limbang,

Negara Brunei Darul Salam, Bahagian Miri, bermalam di Bintulu dan seterusnya ke Belaga.

Jenifer Lawrence juga telah mempersoalkan kenapa Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak tidak mendaftarkan kes tersebut di Sarawak, malah beliau turut mempersoal kreadibiliti Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dalam menangani kes tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) memandang serius tuduhan yang telah dibuat berkaitan perkara ini. Kenyataan seperti ini seolah-olah mempersoalkan kreadibiliti pengurusan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak. JPBN telah membuat pengumuman kes berkenaan dalam Kenyataan Media JPBN pada 17 September 2020 serta 18 September 2020.

Untuk makluman, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak melalui Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu telah bertindak sebaik sahaja mendapat maklumat berkaitan keputusan ujian swab rT-PCR kes tersebut dari Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan, Sabah pada 15 September 2020. Saringan COVID-19 juga telah dijalankan ke atas semua kontak yang telah dikenal pasti termasuk pegawai bertugas di pintu masuk yang mungkin mendapat pendedahan semasa kes daftar masuk atau keluar Sarawak. Pengesanan kontak juga telah dijalankan di tempat kes singgah makan di Miri, hotel tempat penginapan beliau di Bintulu dan semua premis yang dilawati oleh beliau.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak melalui *Focal Point* Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah memaklumkan Jabatan Kesihatan Negara Brunei Darul Salam tentang kes ini. Di Belaga, Pejabat Kesihatan Bahagian Kapit juga telah membuat saringan ke atas semua pekerja kilang dan ladang yang mempunyai kontak kepada kes ini. Tambahan kepada itu, oleh kerana kes ini juga telah melakukan lawatan ke Mukah pada 13 September 2020. Pengesanan dan saringan kontak juga telah dilakukan di tempat yang pernah dilawati di Mukah oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Mukah.

Secara keseluruhan, seramai 87 orang kontak rapat secara langsung atau tidak langsung telah dikesan dan disaring COVID-19 berkaitan kes ini. Tiga (3) orang kontak rapat dikesan dan disaring di Lawas, 18 orang di Miri, 13 orang di Bintulu, 48 orang di Belaga dan lima (5) orang di Mukah. Kesemua kontak telah diambil swab pertama dan setakat hari ini, semua swab yang diambil adalah negatif ujian rT-PCR COVID-19. Ujian saringan swab RT-PCR akan diulangi pada hari Ke-10 untuk semua kontak tersebut. Mereka juga telah diberi Arahan Perintah Kuarantin (*Quarantine Order*) selama 14 hari.

Kesimpulannya, Pejabat Kesihatan Negeri Sarawak telah mengambil semua langkah-langkah untuk mengesan kontak-kontak kepada kes ini, Walau bagaimanapun, kes didaftarkan di Sandakan, Sabah kerana kes tersebut dikesan di Sandakan, Sabah dan bukannya di Sarawak walaupun kes mendapat rawatan di Hospital Bintulu, Sarawak. Pendaftaran kes di bawah Negeri Sabah turut dipersetujui di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, dimana kes didaftar di negeri di mana kes dikesan positif.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kontak-kontak yang terlibat kerana telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada agensi yang terlibat.

3. STATUS KES DAERAH DI NEGERI SARAWAK

Hari ini, Daerah Kuching telah bertukar semula daripada status Hijau kepada status Kuning apabila satu (1) kes jangkitan tempatan dilaporkan di Daerah Kuching pada hari ini. Ini menjadikan jumlah Daerah yang berstatus Kuning ialah satu (1) Daerah dan 39 buah daerah yang lain di Sarawak masih berada dalam status Hijau.

4. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **6 notis** kompaun di Kuching (5) dan Padawan (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan **146 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (37), MD Marudi (30), SRDC (22), SMC (22), DBKU (21), MDMJ (6), MBKS (3), MD Serian (2), MB Miri (2) dan MPP (1) .

5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,644 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (199), Restoran (285), Kilang (22), Bank (118), Pejabat Kerajaan (34), Penjaja (50), Pasar Tani/Awam (93), Tempat Ibadah (85), Tempat Riadah (48), Tapak Pembinaan (14) dan lain-lain (696).

Seramai **565 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (285), ATM (36), RELA (121), APM (87) dan PBT (36).

6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,031** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
22 SEPTEMBER 2020
4.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	701	Kes sedang dirawat di hospital	4	0.57%
Kes Baharu	2	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	104,436	Kesyang memerlukan bantuan pemafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	703	Jumlah kes kematian	19	2.70%
IR per 100,000 penduduk	22.79	Kestelah sembuh dan discaj	680	96.73%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	6	8,971	Patient Under Investigation (PUI)	8
Menunggu keputusan	0	0		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	1	1	1	0	1	4
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	575	34	38	32	1
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	5	6,420	1	430	0	416	0	12	2	2	1
Jumlah		5	6,420	1	430	0	416	0	12	2	2	1

Sumber : CPCR, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	305	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Bintulu	1	288	1	39	0	38	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	245	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	1	174	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Samarahan	0	560	0	112	0	108	0	4	0	0	0
6	Sibu	0	108	0	11	0	10	0	0	1	1	0
7	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Menis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
11	Miri	0	833	0	24	0	23	0	1	0	0	0
12	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	52	0	3	0	2	0	1	0	0	0
14	Betong	1	188	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Lawas	0	14	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	47	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Metu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Lubok Artu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		3	3,254	1	273	0	264	0	7	2	2	0
Jumlah Besar		8	9,674	2	703	0	680	0	19	4	4	1

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **140** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **647 orang**. Manakala seramai **24,324 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 22.09.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (295)	Hock Lee	127
2		Harbour View	40
3		Riverside (Astana Wing)	128
4	Miri (161)	Eastwood Valley	69
5		Dynasty	92
6	Bintulu (54)	Wasan Inn	19
7		Motel Kapok	18
8		Faber Inn	17
9	Limbang (9)	Purnama	3
10		Mandarin (Lawas)	6
11	Sibu (128)	Premier	128
Jumlah PUS			647

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **3 lokasi di Serian (2) dan Kuching (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,643 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 21.09.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	514
2	Miri	TIADA	302
3	Sibu	TIADA	164
4	Samarahan	TIADA	119
5	Bintulu	TIADA	113
6	Sarikei	TIADA	108
7	Limbang	TIADA	77
8	Serian	2	55
9	Betong	TIADA	51
10	Kapit	TIADA	49
11	Mukah	TIADA	47
12	Sri Aman	TIADA	44
Jumlah Keseluruhan			1,643

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **46 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 22.09.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	7
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	4
5	MP Sibul	10
6	BDA	1
7	MCC	13
8	MD Marudi	5
Jumlah		46